

# Berita JMM

Newsletter of the Department of Museums Malaysia



BERITA JMM JILID13/BIL 1 JAN.-APR 2013 | ISSN 2231-8321

PAMERAN

## Topeng SEDUNIA

*Masks of The World*

MENARIK DI DALAM

EKSPRESI TOPENG SEDUNIA

3

PENJENAMAAN SEMULA  
MUZIUM SENI BINA MALAYSIA

18

MEMUPUK MINDA INOVASI

19

THE GREEN APPLE AWARD

23



## MEMBUDAYAKAN TRANSFORMASI

Kanta dunia pemuzuman masa kini tertumpu kepada kecekapan *transformative museology* dalam memenuhi tuntutan masa. Muzium-muzium awam Malaysia juga hendaklah seiring dalam aspek ini, khususnya dengan terbentangnya Pelan Transformasi Kerajaan atau *Government Transformation Plan* (GTP) yang dimaklum umum sejak Januari 2010 lagi.

Para pengkaji evolusi muzium atau *museogenesis* khususnya mendalami dan mengkaji pendewasaan muzium menerusi peranan inovasi dan daya ubah sesebuah muzium. Setiap muzium perlu menyesuaikan diri dengan tuntutan masa, persekitaran dan juga budaya dimana ia berada. Dalam konteks ini, Muzium Negara merupakan institusi pejuang yang berjaya. Kajian Pola Kepuasan Pengunjung Muzium 2011 dibawah Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang diusahakan oleh Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) merumuskannya sebagai muzium paling kerap dikunjungi antara semua muzium JMM di Malaysia.

Alhamdulillah di atas kejayaan Muzium Negara yang kini merancang meraikan Jubli emas penubuhannya. Tahun 2013 ini adalah ulangtahun ke-50 Muzium Negara. Usia dan pengalaman memudahkannya menjadi antara institusi nasional yang peka transformasi. Disamping memajukan interpretasi sejarah masyarakat sebagai warisan budaya bangsa Malaysia sejak 1963 lagi, ianya semakin dikunjungi sebagai pusat rujukan bidang pemuzuman itu sendiri.

JMM telah berjaya melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sebagaimana dirancang. Setiap yang ditempuhi diusahakan dengan penuh kesungguhan, sewajarnya direnungi segala khidmat dan pencapaian program yang lepas dan melihat sama paparan berita empat bulan pertama tahun ini yang dimuatkan dalam jilid pertama tahun 2013 ini.

Bermula dengan pameran Topeng Sedunia, pameran Blockbuster utama yang menjadi buah mulut warga serata dunia, bergalaskan amanah baru apabila JMM mula menerajui Muzium Diraja di Istana Negara Lama, bermahkotakan suatu Anugerah antarabangsa yang dimenangi oleh Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Labuan.  
Muzium terus hidup!

"Kunjungilah Muzium!"

Zanita Anuar  
Bahagian Inovasi Muzium

Penasihat  
**Dato' Ibrahim bin Ismail**

Ketua Editor  
**Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff**

Editor  
**Zanita binti Anuar**  
**Mohd Azmi bin Mohd Yusof**  
**Kamarul Baharin bin A. Kasim**  
**Azmi bin Ismail**

Penyelaras  
**Bahagian Penyelidikan**

Reka bentuk dan Reka Letak  
**CiME Advertising**

Fotografi  
**Sumber Media**

Edaran  
**Unit Perpustakaan**

Diterbitkan oleh  
**Jabatan Muzium Malaysia**,  
Jalan Damansara,  
50566 Kuala Lumpur  
Tel.: (+603) 2267-1000 (+603) 2282-6255  
Faks: (+603) 2282-6434  
<http://www.jmm.gov.my>

Dicetak oleh  
Attin Press  
No.46, Jalan 2/108, Taman Salak Jaya,  
Salak Selatan, 57100 Kuala Lumpur.

### Berita JMM

Diterbitkan empat bulan sekali. Buletin ini juga boleh dimuat turun daripada laman web JMM.



# EKSPRESI TOPENG SEDUNIA

Oleh: Clarice anak Pain, Bahagian Perkhidmatan Muzium (clarice@jmm.gov.my)

Topeng merupakan suatu alat penyamaran kepada wajah yang memberikan pelbagai simbol dan pengertian. Pemakaian dan penggunaan topeng dalam sesuatu masyarakat sering dihubungkaitkan dengan kepercayaan yang wujud dalam masyarakat tersebut. Topeng yang digunakan dalam upacara-upacara tertentu dikatakan menjadi medium antara manusia dengan alam ghaib. Selain itu penggunaan topeng juga dikatakan berfungsi sebagai pelindung daripada ancaman kuasa-kuasa luar. Bagi mencernakan pengetahuan ini, satu pameran yang bertemakan "Topeng Sedunia" telah diadakan di Galeri 3 Jabatan Muzium Malaysia. Pameran yang telah berlangsung dari 20 Disember 2012 hingga 30 Mei 2013 bertujuan



memberikan kefahaman kepada masyarakat umum berkaitan falsafah pemakaian topeng yang diamalkan secara global dan memperlihatkan keunikan budaya topeng berdasarkan motif serta penciptaan reka bentuk. Selain paparan grafik,

pameran ini turut memuatkan aplikasi penggunaan Augmented Reality dalam "Magic Mirror" dan persembahan multimedia bagi menambahkan lagi keberkesanan penyampaian maklumat kepada pengunjung. Pengunjung juga berpeluang memakai beberapa

jenis topeng yang dipamerkan. Antaranya termasuklah topeng tarian dari Korea, topeng Hudoq Sarawak, topeng Dewa air Afrika, topeng Awang Batil Perlis, topeng pengebumian buatan jed dari China, topeng Rakksaka daripada teater Ramayana di Thailand, topeng Diablo kegunaan Mummers parade Philadelphia, USA, topeng Unicorn dari Itali, dan topeng moyang kaum Mah Meri.

Selain pameran, pelbagai aktiviti dan acara lain turut diadakan bagi memeriahkan program ini. Antaranya termasuklah persembahan tarian topeng Orang Ulu yang dibawa khas dari Sarawak dan tarian Barongan dari Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Johor. Bagi menarik golongan muda dan pelajar, pertandingan mewarna dan pertandingan mereka

cipta topeng juga turut diadakan. Kemuncak kepada program ini ialah majlis penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan yang telah disampaikan oleh YBhg Dato' Ibrahim Ismail, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia

Sewajarnya pameran dan program seumpama ini dapat diteruskan dengan lebih giat lagi bagi memastabatkan muzium sebagai institusi dan gedung ilmu pengetahuan. Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada agensi dan orang perseorangan yang turut menyumbang dengan meminjamkan koleksi mereka untuk menjayakan pameran ini.





## PROGRAM PENYERLAHAN

Jabatan Muzium Malaysia juga menyediakan pelbagai program penyerahan dalam bentuk aktiviti sampingan yang sesuai untuk tontonan dan penyertaan golongan dewasa dan kanak-kanak. Persembahan Tarian Topeng Orang Ulu telah diadakan pada hujung minggu 2 dan 3 Februari 2013 di Dataran Muzium Negara, JMM. Tarian ini dipersembahkan oleh dua belas orang penari profesional Kumpulan Dayak Culture Foundation yang dibawa khas dari negeri Sarawak.

Persembahan Tarian Barongan pula dipersembahkan oleh sepuluh orang penari

kumpulan Kebudayaan dari Johor di bawah naungan Jabatan Kebudayaan dan Keserian Negara pada 2 dan 3 Mac 2013 .

Kemuncak acara penyerahan ialah apabila pemenang-pemenang pertandingan Kuiz Cuti Sekolah, Pertandingan Mewarna dan Pertandingan Meraka Cipta Topeng dapat naik ke pentas bersalaman dan berkenalan bersama Ketua Pengarah JMM, Dato' Ibrahim Ismail dan Pengarah Muzium Tekstil Negara, Puan Janet Tee semasa menerima hadiah lumayan masing-masing .





## EXPRESSIONS OF THE MASKS OF THE WORLD

The mask is a facial veil embedded with symbol and meaning. Each community and civilisation has a unique and distinct mask culture, beginning from the primitive societies until today. Masks are made from various types of materials and are usually worn at certain times for rituals, as a symbolic sign, for performances or entertainment. The continuing mask culture to this day clearly shows us that it remains a significant occupation especially with those ethnic groups that practice animism and continue to maintain their heritage.

Hence the "Masks of the World" exhibition presented in the Gallery 2 and 3 of the Department of Museums Malaysia, from the 20th December till the 31st May 2013, is presented to cultivate understanding of the practice, survey the rich diversity and

highlight the cultural and aesthetic values of the mask for the viewing public. Visitors are presented with hundreds of decorative and ethnographic masks from all the continents of the world. Many are pleasantly surprised to be entertained via the latest multimedia interactive, The Magic Mirror. Precious facial artifacts including the huge Northwest American Indian Raven mask, the fine burial jade mask from China, the Baule female spirit mask of Africa, the Awang Batil mask of Perlis and the Thai bejewelled nine headed Rawana of the Ramayana, are those which the visitor are able to select, pick and wear on their face, thanks to augmented reality technology.

Several live performances namely the Orang Ulu Sarawak group and the Barongan Johor group had been staged to allow the

visitors first-hand experience. Family groups, youth and children also had their hands in workshops and competitions for those who appreciate crafting, decorating and designing various masks.



[sayadan.kamererasaya.wordpress.com](http://sayadan.kamererasaya.wordpress.com)



## SMART KIDS 2013

Oleh: **Badrol Hisham bin Abd.Rahman**, (badrolhisham@jmm.gov.my) & **Zuniwati binti Ab. Rahman** (zuniwati@jmm.gov.my), Muzium Negara

Pada 19 hingga 21 April 2013 yang lalu, satu program Smart Kids yang bertemakan "Where We Nurture the Future" telah berlangsung di Putra World Trade Centre (PWTC). Ekspo pendidikan kanak-kanak terbesar di Malaysia ini turut disertai Jabatan Muzium Malaysia (JMM) selaku rakan kongsi utama program tersebut.

Penglibatan JMM dalam program ini adalah selaras dengan misi dan visi Jabatan untuk menjadikan institusi muzium sebagai pusat pendidikan dan pembelajaran tidak formal dalam kalangan masyarakat umum. Program pada

kali ini menggabungkan Muzium Negara, Muzium Tekstil Negara, Muzium Alam Semula Jadi, Bahagian Komunikasi Korporat dan Unit Perpustakaan JMM dalam menawarkan pelbagai aktiviti berkonsepkan santai, libur, mesra dan lain-lain.

Aktiviti yang diadakan antaranya termasuklah pertandingan melukis dan mewarna, jualan buku, kuiz, aktiviti permainan puzzle dan clay art. Dianggarkan lebih tiga ribu pengunjung daripada pelbagai peringkat umur telah melawat gerai-gerai pameran JMM sepanjang program ini berlangsung. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah binti Almarhum Sultan Idris Shah, permaisuri DYMM Sultan Johor.



22 JANUARI 2013



## LAWATAN BERSAMA MEDIA KE MUZIUM DIRAJA

Oleh: **Norfiza binti Zainal Abidin**, Bahagian Komunikasi Korporat (norfiza@jmm.gov.my)

Pada 29 Januari 2013, Jabatan Muzium Malaysia telah menganjurkan program lawatan bersama media ke Muzium Diraja bertempat di Istana Negara Lama. Program ini bertujuan untuk meminta pihak media mempromosikan pembukaan Muzium Diraja.

Lawatan ini telah berlangsung selama sehari. Program dimulakan dengan sesi taklimat dan sidang akhbar mengenai status Istana Negara Lama. Kemudian disusuli dengan lawatan ke seluruh ruang yang terdapat di dalam istana. Lawatan itu telah dipandu oleh Encik Rosli bin Asri yang telah berpengalaman selama 30 tahun bertugas di Istana Negara Lama, Kuala Lumpur.

Meskipun YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Siaraf, Ketua

Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan tidak dapat hadir bersama, lawatan ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Encik Wan Jamaluddin bin Wan Yusoff, Encik Mohamad Shawali bin Haji Badi dan pegawai kanan Jabatan Muzium Malaysia yang lain.





## SAMBUTAN MINGGU BAHASA PERANCIS

Oleh: Mohd Khairul Azhar bin Mustapa, Muzium Negara (azhar\_liz12@yahoo.com)

**S**etiap tahun, Minggu Bahasa Perancis atau "French Language Week" disambut di serata dunia. Tahun ini merupakan tahun ke-18 sambutan Minggu Bahasa Perancis diadakan di Malaysia yang bermula dari 18 hingga 24 Mac 2013. Salah satu acara yang dijadualkan di sepanjang seminggu program ini berlangsung ialah acara "Night Guided Tour & Talk in French" yang dijalankan pada 21 Mac 2013 bertempat di Muzium Negara.

Program tersebut diadakan tepat jam 8.00 malam dan telah dihadiri kira-kira 100 orang peserta yang terdiri daripada warga Perancis yang telah menetap di Malaysia. Para peserta dibawa melawat ke seluruh galeri Muzium Negara oleh Francophones Museum Volunteers Association, manakala ceramah disampaikan Marie-Christine Tseng yang bertajuk "La découverte de l'esprit Malais au travers du Kris" yang turut diselitkan dengan persembahan demonstrasi silat.



Penglibatan Muzium Negara dalam program yang seumpama ini dilihat sebagai satu usaha yang baik untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat asing mengenai keunikan sejarah dan budaya negara kita. Selain itu, penganjuran aktiviti seperti ini juga membuka peluang kepada kita untuk memahami sejarah dan budaya sesuatu kaum atau masyarakat, sebagai wadah untuk berkongsi atau bertukar pendapat di samping mengeratkan lagi hubungan dua hala antara negara meskipun berbeza latar belakang sejarah dan budaya.





## KUNJUNGAN MENTERI KE MUZIUM KOTA JOHOR LAMA

Oleh: **Hanif Bukhari bin Ab. Rahim**, Muzium Johor Kota Lama

Pada 12 Mac 2013, Muzium Kota Johor Lama menerima kunjungan YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Lawatan ini merupakan salah satu atur cara yang dirancang sempena Program Merakyatkan Seni Budaya: Menyusuri Sungai Johor anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Lawatan ini bermula dengan program menyusuri Sungai Johor dari Kota Tinggi yang membawa rombongan YB Menteri melihat tapak-tapak bersejarah di sekitar bandar Kota Tinggi seperti Makam Laksamana Bentan dan Makam Sultan Mahmud Shah II (Mangkat Dijulang). Kemuncak Program tersebut berlangsung di Kampung Johor Lama dengan majlis kenduri rakyat dan seterusnya melawat

Muzium Kota Johor Lama sebagai destinasi terakhir lawatan.

Rombongan YB Menteri tiba di Muzium Kota Johor Lama kira-kira jam 2.00 petang, disambut oleh Pengarah Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Selatan, Encik Mohd Azmi bin Mohd Yusof dan kakitangan Muzium Kota Johor Lama. Turut serta dalam rombongan itu ialah YB Adun Kota Tinggi, Ketua Pengarah JKKN,

Pengarah Yayasan Warisan Johor dan Pegawai Daerah Kota Tinggi. YB Menteri telah dibawa meninjau kawasan benteng Kota Johor Lama yang telah diwartakan dibawah Akta Warisan 2005.

Rombongan YB Menteri kemudian meneruskan lawatannya ke Muzium Kota Johor Lama dan telah diberikan taklimat berkaitan sejarah pembinaan bangunan

serta pameran di muzium itu. Beliau amat berminat dengan pengisian pameran dan sering bertanyakan beberapa soalan berkaitan dengan sejarah serta artifak yang dipamerkan dalam ruangan pameran. YB Menteri juga turut memberikan beberapa pandangan dan saranan bagi mempertingkatkan lagi mutu persembahan pameran untuk menarik lebih banyak pengunjung ke Muzium Kota Johor Lama.

YB Menteri KPKK berpuas hati dengan pameran dan bangunan Muzium Kota Johor Lama serta menyarankan agar dipergiatkan lagi usaha mempromosi bagi menjadikan Muzium Kota Johor Lama sebagai salah satu destinasi pelancongan yang perlu dilawati di negeri Johor.



## MUZIUM BERSAMA GENERASI MUDA

Oleh: **Rosiswandy bin Mohd Salleh**, Muzium Lukut

Pada 25 April 2013, Muzium Lukut menganjurkan Program Pertandingan Mewarna 2013 Peringkat Tadika Jabatan Perpaduan dan KEMAS Daerah Port Dickson. Program ini mendapat kerjasama daripada Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional Daerah Port Dickson serta Kemas Daerah Telok Kemang. Antara objektif program ini termasuklah untuk membina jalinan secara langsung antara muzium dan generasi muda agar mereka memahami peranan dan kepentingan muzium seawal peringkat pra sekolah. Ia juga dapat menggalakkan guru, pelajar dan ibu bapa untuk berkunjung ke Muzium Lukut.

Program ini melibatkan seramai 320 orang peserta daripada beberapa buah tadika/tabika di bawah Jabatan Perpaduan

dan Kemas Daerah Port Dickson. Selain peserta dan guru, program ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran ibu bapa yang ingin melihat sendiri anak-anak mereka terlibat dalam pertandingan ini, di samping memberikan sokongan moral kepada peserta. Acara dimulakan dengan sesi pendaftaran pada jam 8.30 pagi dan semua peserta turut disediakan sarapan pagi, sijil penyertaan dan kertas lukisan. Pertandingan bermula pada jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 10.30 pagi. Selepas itu urus setia pertandingan mula mengumpulkan kertas pertandingan untuk dinilai oleh juri pertandingan.

Kemuncak program dimeriahkan dengan sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang. Hadiah berupa hamper disampaikan oleh Encik Mohd. Azmi bin Mohd.

Yusof selaku Pengarah Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Selatan dengan diiringi Pegawai Perpaduan Daerah Port Dickson, iaitu Encik Zaizulman bin Zainal Abidin dan Encik Rosiswandy bin Mohd. Salleh, Ketua Muzium Lukut. Pemenang tempat pertama ialah adik Harmita daripada Tadika Kemas Kampung Chokra, Port Dickson yang menerima hamper bernilai RM100. Tempat kedua pula dimenangi oleh adik Nur Qistina Batrisyah binti Mohd Saidi daripada Tadika Kemas Kampung Paya yang menerima hamper bernilai RM80.00, dan tempat ketiga dimenangi oleh adik Qaseh Adriana binti Fadil Akmar dari pada Tadika Kemas Kampung Paya yang menerima hamper bernilai RM50.00. Manakala 20 hadiah sagu hati yang berupa hamper bernilai RM20.00 setiap satu telah diberikan kepada 20 peserta yang terpilih pada saringan akhir.



## PEMBANGUNAN STESEN MUZIUM-SENTRAL

Oleh: **Amzar Bin Zubir**, Bahagian Pembangunan (amzar@jmm.gov.my)

Pembinaan projek Mass Rapid Transit (MRT) ini melibatkan sebahagian daripada tanah yang diperuntukkan kepada Jabatan Muzium Malaysia oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Projek pembinaan yang mengambil masa selama empat tahun ini dijangka siap pada tahun 2016 melibatkan tanah Lot 71 Seksyen 59.

Pembangunan projek ini yang melibatkan penutupan sebahagian daripada kawasan Muzium Negara telah menyebabkan berlakunya penurunan jumlah pengunjung disebabkan kekeliruan tentang status Muzium Negara.

Sesi perbincangan telah diadakan bersama pihak-pihak yang terlibat seperti MMC-GAMUDA KVMRT (T). Perbincangan tersebut mengambil kira isu keselamatan

dantanggungjawab mengadakan mural pada "hoarding" di hadapan Muzium Negara. Selain itu, isu penjenamaan stesen yang bakal disiapkan nanti juga turut dibincangkan. Jabatan Muzium Malaysia berharap stesen itu nanti akan dinamakan sebagai Stesen Muzium-Sentral.

### ABOUT MRT KL SENTRAL UNDERGROUND STATION

The Mass Rapid Transit (MRT) KL Sentral underground station is one of the 31 MRT stations along the Sungai Buloh – Kajang(SBK) MRT line. The construction footprint of the KL Sentral Underground MRT Station is approximately 2.25 acres and the work on the site, located in front of the Muzium Negara started in early 2012. Upon completion



of the entire MRT Sungai Buloh – Kajang Line in 2017, it will serve 1.2 million people along the route and the KL Sentral station will be connected to the existing KL Sentral Interchange via an underground linkage, providing more transport convenience to the public and tourists to Muzium Negara and its surrounding attractions.

The SBKMRT Line will also have strategic integration with KL's existing rail transport network, namely the LRT, Monorail and KTM Komuter, as well as intra and inter-city bus routes. The end result will be better connectivity for KL and its surrounding cities, while reducing the number of cars that enter the capital.



## ALBUM JABATAN MUZIUM MALAYSIA



Program Pengukuhan Kepakaran Profesional Muzium dari 23 Mac hingga 1 April 2013 di Kota London



Tarian Zumba sempena Ceramah Kesihatan bersama Kevin Zahri pada 25 April 2013



Lawatan ke Aquaria pada 11 April 2013



Rombongan ahli Persatuan Muzium Korea bergambar kenangan di Muzium Tekstil Negara



Program Pertemuan Mesra YABhg Datin Sri Paduka Rosmah Mansor, Penaung PUSPANITA 20 Februari 2013 bertempat di Seri Perdana, Putrajaya



Pertandingan mewarna topeng sempena Pameran Topeng Sedunia 2 Mac 2013



Kunjungan kerabat Diraja Brunei ke Muzium Diraja, Istana Negara Lama



Mesyuarat Pengurusan JMM Bil. 1/2013  
8 Januari 2013 di KL Tower



KP JMM melawat pameran sempena acara Formula 1 Petronas Malaysia Grand Prix pada 22-24 Mac 2013 di Litar Antarabangsa Sepang. Muzium Automobil Nasional telah menerima 11 ribu orang pelawat dalam masa tiga hari tersebut



YBrs Encik Kamalruddin bin Shamsudin Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa memukul gong tanda perasmian Pameran Sejarah Perbandaran di Muzium Negara



Program "Textile Talk" di Muzium Tekstil Negara



Persembahan Pancaragam SMK Tinggi Klang, 3 Mac 2013 di Istana Negara Lama



Temu bual YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail KP JMM bersama NTV 7 pada 28 April 2013



Para peserta bersama fasilitator Encik Md Shukri bin Edrus di Ruang Penerokaan Muzium Negara.



Pesuruhjaya Tinggi Pakistan di Malaysia Masood Khalid dan isteri melihat pameran di Muzium Negara pada 1 Januari 2013



"Team building" di Gunung Angsi pada 21 April 2013 anjuran bersama JMM, Lembaga Muzium Negeri Sembilan dan Perbadanan Muzium Melaka



Lawatan Media ke Muzium Diraja pada 29 Januari 2013



Lawatan Inovasi : Kecemerlangan Budaya Kerja ke IPPTAR pada 10 April 2013



Persembahan Tarian Topeng Kontemporeri pada 26 Januari 2013 bertempat di Dataran Muzium Negara



Majlis Graduasi Sukarelawan Muzium 2013 pada 16 Mac 2013 di Auditorium JMM



Kursus Prinsip Asas Pemasaran Muzium di Jabatan Muzium Malaysia pada 5-7 Mac 2013



Pertandingan mewarna topeng pada 26 Januari 2013 bertempat di Dataran Muzium Negara



## KUNJUNGAN TETAMU KEHORMAT KE MUZIUM NEGARA

Oleh: Mohd Khairul Azhar bin Mustapa, Muzium Negara (azhar\_liz@yahoo.com)

Muzium Negara telah menerima beberapa kunjungan kehormat dari dalam dan luar negara sepanjang bulan Januari hingga April 2013. Antara tetamu kehormat yang berkunjung ialah

Tarikh	Delegasi
1 Januari 2013	Pesuruhjaya Tinggi Pakistan di Malaysia Masood, Khalid dan Isteri.
30 Januari 2013	Jeneral Haruhiko Kataoka, Chief of Staff Japan Air Self – Defence Force bersama 8 delegasi termasuk tujuh pegawai Tentera Udara Malaysia (TUDM)
27 Februari 2013	Ketua Pengarah Perisikan Tentera New Zealand, Kol. Angela M Fitzsimons bersama empat delegasi.
23 April 2013	Joseph Crook, International Engagement Manager dari British Muzium.

Kesemua lawatan tersebut dikendalikan oleh Kurator Unit Pendidikan dan Khidmat Seranta Muzium Negara, Cik Kiew Yeng Meng. Setiap lawatan diakhiri dengan penyampaian cenderamata daripada pihak Muzium Negara sebagai tanda penghargaan.





## PENJENAMAAN SEMULA MUZIUM SENI BINA MALAYSIA

Oleh: **Mohd Azhar bin Daud**, Muzium Seni Bina Malaysia (azhar@jmm.gov.my)

Tanggal 30 April 2013, genaplah empat bulan Muzium Seni Bina Malaysia membuka pintunya kepada pengunjung setelah ditutup selama lebih setahun untuk tujuan naik taraf dan penjenamaan semula.

Pengisian yang diolah berdasarkan tema 'Warna-warna Seni Bina Malaysia', tersebut dibahagikan kepada tujuh segmen utama, iaitu Pengenalan Muzium, Sejarah dan Perkembangan Seni Bina Malaysia, Seni Bina dan Kepercayaan, Tipologi Seni Bina di Malaysia, Ukiran dan Motif, Peralatan dan Teknologi dalam Seni Bina serta Bahan-bahan dalam Seni Bina. Selain mengekalkan dan mempamerkan model-model bangunan terpilih daripada pengisian sebelum ini, pelbagai jenis dan teknik penyampaian lain turut dimuatkan bagi

memberikan kelainan dan variasi kepada pengunjung. Antaranya termasuklah 'video wall' pada segmen pengenalan, peragaan koleksi ukiran kayu terpilih, diorama pertukangan kayu tradisional, dan peragaan sampel-sampel kayu tempatan secara 'hands-on'.

Pengisian baharu kali ini juga lebih istimewa kerana telah mendapat kerjasama daripada Malaysian Timber Industry Board (MTIB) yang membekalkan sampel-sampel kayu tempatan,

dan beberapa agensi lain yang memberikan maklumat mengenai mercu tanda terpilih, seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Istana Budaya, Lembaga Tabung Haji, dan Putrajaya International Convention Center.

Maklum balas yang diterima, sambutan dan komen daripada pengunjung amat menggalakkan. Hampir 15000 orang pengunjung dari dalam dan luar negara serta pelajar telah melawat Muzium Seni Bina Malaysia.





## MEMUPUK MINDA INOVASI MUZIUM

Oleh: **Norhaliza Harun**, Bahagian Inovasi Muzium (norhaliza@jmm.gov.my)

Tabir 2013 dibuka dengan satu majlis yang amat bermakna bagi warga Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang mendukung dan melaksanakan cita-cita inovasi Jabatan ini. YBhg Dato' Ibrahim Ismail, Ketua Pengarah JMM telah menganjurkan satu Majlis Interaksi di Bilik Petala Indera JMM pada 10 Januari 2013. Ia bertujuan bagi beliau menyampaikan amanat inovasi Jabatan di samping menghargai Kumpulan KIK 2012 dengan menyampaikan cek kemenangan Pertandingan Pameran Terbaik Inovasi KPKK 2012.

Majlis yang dihadiri oleh YBhg Dato' Ibrahim Ismail, Ketua Pengarah JMM itu turut meraih dan memperkenalkan ahli-ahli Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JMM bagi tahun 2013. Pada majlis tersebut, YBhg Dato' Ketua Pengarah telah menyampaikan

amanat dan hasrat beliau yang mahukan inovasi Jabatan sentiasa dipertingkatkan.

Lanjutan dari majlis itu, satu bengkel KIK telah diadakan pada 22 sehingga 25 Februari bertempat di Hotel De La' Fern Cameron Highlands. Bengkel yang berlangsung selama empat hari itu diterajui oleh Tuan Hj Hamdi bin Othman sebagai fasilitatornya yang juga merupakan seorang pakar KIK. Kesemua dua puluh ahli KIK JMM 2013 yang terlibat telah didedahkan dengan pelbagai peluang bagi mengembangkan potensi dan kemahiran dalam membuatkan ide serta mereka cipta produk inovasi muzium yang berjaya. Selain itu bengkel ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran dan penghayatan serta membudayakan inovasi di kalangan warga JMM.





## PENGURUSAN BELANJAWAN DAN PENG AUDITAN

Oleh: **Zul Afiq bin Baharuddin**, Unit Latihan (zulafiq@jmm.gov.my)

Pada 8 Mac 2013, bertempat di Bilik Persidangan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah dianjurkan satu taklimat berkaitan pengurusan belanjawan dan pengauditan. Objektif taklimat ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada kakitangan JMM tentang sistem belanjawan.

Ceramah telah disampaikan oleh Tuan Haji Uzaimi bin Abdul Hamid, Encik Ahmad Ridzwan bin Ishak, Encik Mohamad Shawali bin Haji Badi dan Encik Abd Jamil bin Mohd Noor. Isu-isu yang dibincangkan ialah pengauditan pengurusan kewangan dan aset, belanjawan tahun 2014/2015 dan sistem belanjawan kerajaan.

Kursus ini disertai oleh 45 orang peserta yang terdiri daripada 35 orang peserta dari kumpulan Pengurusan dan Professional

(Gred 41 - 54) dan 10 orang peserta dari kumpulan Sokongan I (Gred 17 - 36). Kursus ini juga dapat membantu menambah baik

pengurusan belanjawan dan pengauditan Jabatan Muzium Malaysia ke arah peningkatan reputasi dan produktiviti jabatan.





## PRINSIP ASAS PEMASARAN MUZIUM

Oleh: **Zul Afiq bin Baharuddin**, Unit Latihan ([zulafiq@jmm.gov.my](mailto:zulafiq@jmm.gov.my))

Kursus Asas Prinsip Pemasaran Muzium anjuran Jabatan Muzium Malaysia telah berlangsung di Bilik Persidangan Aras 2, Jabatan Muzium Malaysia pada 5 - 7 Mac 2013. Kursus ini telah disertai seramai 51 orang peserta yang terdiri daripada 37 orang kakitangan Jabatan Muzium Malaysia dan 14 orang peserta dari Muzium-muzium Negeri.

Objektif kursus ini diadakan untuk membolehkan peserta yang terlibat dengan hal-hal pemasaran muzium memahami konsep asas pemasaran dan membantu mereka mempelajari kaedah yang terbaik bagi memasarkan produk dan perkhidmatan muzium. Antara kandungan kursus yang disampaikan termasuklah kesedaran tentang pemasaran, penilaian dan



matlamat pemasaran, taktik dan teknik pemasaran, pelanggan Top Priority dan simulasi pemasaran. Melalui kursus ini peserta akan dapat mengatur strategi pemasaran yang lebih berkesan untuk muzium masing-masing. Dengan kaedah pemasaran yang berkesan, ia mungkin berupaya meningkatkan jumlah pengunjung ke muzium.





## RESTORASI DAN REPLIKASI ARTIFAK

Oleh: **Zul Afiq bin Baharuddin**, Unit Latihan ([zulafiq@jmm.gov.my](mailto:zulafiq@jmm.gov.my))

Pada 19 - 22 Februari 2013, bertempat di Dataran Muzium Negara, Jabatan Muzium Malaysia telah diadakan Bengkel Restorasi dan Replikasi Artifak 2013.

Objektif Bengkel Restorasi dan Replikasi Artifak ini adalah untuk memberikan pengenalan asas mengenai peralatan yang digunakan dalam proses restorasi dan replikasi artifak, memberikan pendedahan yang lebih mendalam kepada peserta mengenai kerja dalam bidang permuzuman khususnya bidang konservasi, menjadikan bengkel ini satu peluang untuk para peserta bertemu dan berbincang serta menimba pengetahuan dalam proses restorasi dan replikasi artifak dan menjadikan muzium sebagai pusat rujukan kepada orang awam dan menyemaikan rasa tanggungjawab dalam memulihara khazanah dan artifik.

Bengkel ini dikendalikan sepenuhnya oleh Pusat Konservasi Jabatan Muzium Malaysia. Seramai 21 orang peserta yang terdiri daripada Kumpulan Sokongan 1 (Gred 17 – 32 ) dari Jabatan Muzium Malaysia dan 30

orang peserta dari Muzium Negeri yang terlibat bagi menjayakan bengkel ini. Kursus ini dapat memberikan ilmu mengenai restorasi dan replikasi artifak yang dapat diaplikasikan dalam bidang permuzuman.





# THE GREEN APPLE AWARDS



ANUGERAH

## CHIMNEY AWARDED A GREEN APPLE

Oleh: **Sitti Rabia binti Abd Rahman**, Muzium Labuan (sittirabia@jmm.gov.my)

An award all the way from London and thoroughly unforeseen too! Indeed no one has expected that this one hundred over year old monument which stands magnificently atop a hill in Tanjung Kubong, Labuan would win a prestigious international award. Yet, this is not a dream because the award ceremony is scheduled to take place on 24th June 2013 at the National Self Build and Renovation Centre in Swindon. The winning announcement was made in a press release received by the Labuan Corporation, who was responsible for nominating Chimney for this competition, and the news was conveyed to the Department of Museums Malaysia Labuan Region on 23rd April 2013.

The fruitful affair began in February 2013 when Madam Zunaidah

Binti Hamzah, Assistant Director of Promotion and Event of Labuan Corporation, approached the Department of Museums Malaysia Labuan Region to inform that Chimney had been nominated among other buildings in Labuan to compete in the International Green Apple Awards for the Built Environment and Architectural Heritage, organised by The Green Organisation based in London. The purpose of this annual competition is to find Britain's greenest companies, councils and communities from all over the world.

Competing against more than 200 other nominations, Chimney captivates the jury with its historical architecture and lush green landscape envisaging a green concept propagated by the

organisation. Apart from award, the organiser, with the winners' consent, will also publish the winning papers in The Green Book, the world's only work of reference on environmental best practice.

While an international recognition is certainly something to be celebrated, it is understandably comes with a certain responsibility. The award presents Chimney with a golden opportunity to be known all over the world, but the task of keeping up to this new international recognition requires the Department of Museums Malaysia Labuan Region, as the guardian of this historic and beautiful monument, to be on its toes and more actively engaged, and perhaps to become an exponent of the Green Concept in Labuan.

NEWS RELEASE FROM | THE GREEN APPLE ENVIRONMENT AWARDS | TEL/FAX: 01604.810507 | LOCAL COMPANY ON THE WAY TO GREEN GLORY



## JEJAK KURATOR PROGRAM PENGUKUHAN KEPAKARAN PROFESIONAL MUZIUM


Oleh: Hayati binti Mohamad Zawawi, Muzium Diraja (hayati@jmm.gov.my)

Program Pengukuhan Kepakaran Profesional Muzium ini merupakan satu program yang memberikan pendedahan dan mengenal pasti idea baru di luar negara yang dapat menyumbang kepada penambah baikan kualiti pameran, pengurusan muzium, strategi pemasaran muzium dan meningkatkan kemahiran serta kepakaran sedia ada para pegawai Jabatan Muzium Malaysia.

Seramai tiga orang pegawai Jabatan Muzium Malaysia iaitu, Encik Azmi bin Ismail, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perkhidmatan Muzium, YM Tengku Intan Rahimah binti Tengku Mat Saman, Kurator Muzium Kota Kayang dan Cik Hayati binti Mohamad Zawawi, Kurator Muzium Diraja telah dipilih



menghadiri Program Pengukuhan Kepakaran Profesional Muzium di London, United Kingdom bermula pada 23 Mac hingga 1 April 2013. Program yang mengambil masa enam hari ini melibatkan lawatan



ke 12 muzium seperti yang berikut: The British Museum, Buckingham Palace, The Queen's Gallery, The Royal Mews, The Guards Museum, The Natural History Museum, Science Museum, Victoria and Albert Museum, Tate Modern, National Army Museum, The Tower of London dan National Army Museum.

Berdasarkan lawatan kerja sepanjang program tersebut, para pegawai telah dapat mempelajari

dan membuat perbandingan dari segi piawaian amalan permuzuman, kepelbagaiannya teknologi yang digunakan dalam pameran dan kaedah menarik minat pelawat yang dilaksanakan di luar negara. Melalui penerapan aspek-aspek tersebut, kualiti pameran dan mutu pengurusan muzium di muzium-muzium di Jabatan Muzium Malaysia dapat dipertingkatkan lagi dari segi kualiti pengisian dan teknik pameran serta pengurusan muzium.





## MENARA CHIMNEY

**Menara Chimney** atau lebih dikenali sebagai 'Punil' oleh masyarakat tempatan merupakan sebuah monumen lama yang dibina semasa era kepesatan industri perlombongan arang batu di Labuan pada tahun 1847 hingga 1911 oleh Syarikat Perlombongan British. Sungguhpun usia menara ini telah menjangkau lebih daripada 100 tahun, ia masih lagi berdiri kukuh sehingga kini. Seni bina menara ini menyerupai sebuah serombong asap yang berbentuk segi empat menjulang tinggi dan dibina sepenuhnya menggunakan bata merah yang dipercayai diimport dari England berdasarkan saiz dan bentuknya. Sebanyak lebih kurang 23,000 biji bata digunakan untuk pembinaan lapisan permukaan sahaja. Manakala struktur menara dipasang dengan rel-rel besi yang berfungsi sebagai pengikat untuk meneguhkan bangunan. Tapak dasar menara pula terdiri daripada 12 lapisan bata yang didudukkan di atas tanah kaolin tanpa menggunakan sebarang cerucuk.


Menara ini juga dibina begitu teliti dengan mengambil kira arah tiupan angin. Pintu gerbang menara yang berbentuk melengkung dengan ketinggian 2.2 meter serta menghadap arah barat dan selatan dibina khas untuk menapis tiupan angin laut yang kuat. Selain itu, kepingan besi diletakkan di puncak menara bertujuan memberikan kekuatan pada bahagian atas menara. Bahan-bahan tambahan ini juga dianggap sebagai 'aksesoris' yang memberikan nilai artistik kepada Menara Chimney. Walau bagaimanapun, sehingga kini tiada rekod sejarah yang dapat menjelaskan fungsi sebenar menara ini didirikan. Kajian arkeologi dan kerja-kerja konservasi yang dilakukan sekitar tahun 1997 hingga 2000 oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti (kini Jabatan Muzium Malaysia) mendapati, menara ini tidak mempunyai kesan pembakaran atau jelaga yang biasanya terdapat pada sebuah serombong. Selain itu, ada pendapat yang mengatakan bahawa kemungkinan menara ini berfungsi sebagai rumah api pada suatu masa dahulu kerana kedudukannya yang strategik, namun tiada bukti yang menyokongnya. Sungguhpun begitu, menara ini tetap merupakan satu monumen sejarah Pulau Labuan yang unggul dan unik serta perlu terus dipelihara untuk tatapan generasi akan datang.

## PENGISYTIHARAN LABUAN

**Meja dan dua buah kerusi** yang telah digunakan semasa majlis menandatangani Pengisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan antara Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia dan Datuk Harris Salleh, Ketua Menteri Sabah pada 16 April 1984 di Dataran Labuan. Meja yang berbentuk bulat ini diperbuat daripada sekeping kayu berukuran 29.5 inci (75cm) tinggi dan 53.5 inci (136cm) lebar. Manakala dua buah kerusi yang digunakan juga diperbuat daripada kayu berbentuk segi empat dengan ketinggian 44.5 inci (113cm) dan lebar, iaitu 22.5 inci (57cm). Kerusi-kerusi ini diukir dengan bentuk flora keemasan di bahagian atas dan kedua-dua belah sisi tempat bersandar serta ukiran awan larat di bahagian hadapan tempat duduk. Selain itu, di bahagian tengah atas kerusi juga dihiasi dengan lambang jata Kerajaan Persekutuan dan jata Negeri Sabah.



# TERBITAN TERBAHARU




JUDUL	: Seramik Empayar Johor Abad ke 11-19
TAHUN	: 2013
ISBN	: 978-967-0372-06-8
MUKA SURAT	: 315
HARGA	: RM55.00

Buku ini membincangkan tinggalan sejarah dan arkeologi yang dijumpai di tapak Kerajaan Empayar Johor dari abad ke-11 hingga ke-19 Masihi. Tempoh waktu ini dipilih sebagai satu zaman peralihan dan perpindahan pusat pemerintahan kekuasaan Kesultanan Melayu Melaka ke arah selatan Tanah Melayu dan di persekitaran kepulauan Riau-Lingga. Buku ini turut memberikan tumpuan kepada perkembangan zaman Pra Empayar Johor kerana terdapat taburan artifak khususnya tembikar yang usianya lebih awal dari abad ke-16 Masihi.

JUDUL	: Direktori Muzium-Muzium Jabatan Muzium Malaysia
TAHUN	: 2012
ISBN	: 978-967-0372-03-7
MUKA SURAT	: 154
HARGA	: RM46.00

Direktori Muzium-Muzium Jabatan Muzium Malaysia merupakan sumber maklumat tentang 21 buah muzium Persekutuan yang dirangkumkan dan didokumentasikan dalam sebuah buku. Muzium-muzium tersebut yang mempunyai tema tertentu bertepatan dengan objektif penubuhannya seperti tekstil, automobil, adat, hidupan marin dan seni bina adalah seiring dengan matlamat Jabatan Muzium Malaysia untuk menyebarkan ilmu pengetahuan serta mengekalkan warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara Malaysia.



**DIREKTORI  
MUZIUM-MUZIUM  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA**





# MUZEUM CHIMNEY

Oleh: **Sitti Rabia binti Abd Rahman**, Muzium Labuan (sittirabia@jmm.gov.my)

Muzium Chimney atau dahulunya dikenali sebagai Pusat Informasi Chimney dibina pada 25 Januari 2000 dan siap pada 29 Ogos 2000. Muzium ini merangkumi dua komponen, iaitu bangunan muzium dan tapak tanah tempat Menara Chimney didirikan.

Muzium Chimney berfungsi sebagai sebuah muzium tapak yang memamerkan maklumat dan koleksi berkaitan sejarah perlombongan arang batu di kawasan Tanjung Kubong serta proses kerja konservasi Menara Chimney. Reka bentuk bangunan dua tingkat ini berkonsepkan seni bina sebuah bangunan sekolah zaman penjajahan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Tujuan utama penubuhan muzium ini untuk memelihara

Menara Chimney serta kawasan sekitarnya yang mempunyai nilai sejarah khususnya dari segi sosio ekonomi berkaitan industri perlombongan arang batu yang pesat membangun suatu ketika dahulu.

Selain itu, penubuhan muzium ini juga berpotensi untuk dijadikan satu destinasi pelancongan sejarah di Wilayah Persekutuan Labuan, selain destinasi destinasi pelancongan yang sedia ada seperti Palm Beach Resort, Pantai Pohon Batu, Terowong-Terowong Bekas Perlombongan Arang Batu, Bukit Kubong, kawasan perkampungan nelayan dan sebagainya. Muzium Chimney telah dirasmikan pada 26 Oktober 2002 oleh Yang Berhormat Senator Datuk Seri Panglima Mohamad Omar Ahmad Beldram dan mula dibuka kepada para pengunjung selepas perasmian tersebut.





# memori emas

## PENGENALAN DAN TUJUAN

Pertandingan Memori Emas (ME) merupakan salah satu aktiviti perkongsian nostalgia / kenangan silam di Muzium Negara sempena sambutan Jubli Emas (50 tahun) Muzium Negara, Kuala Lumpur.

## TERMA DAN SYARAT

Tema pertandingan "Memori Emas". Peserta perlu menghantar gambar memori di Muzium Negara. Gambar yang diambil sebaiknya di antara tahun 1963 hingga tahun 2000. Peserta hanya boleh menghantar SATU (1) penyertaan sahaja. Semua gambar mesti dikemukakan dalam format kertas foto atau didigitalkan.

Pertandingan ini dibuka kepada semua warganegara Malaysia dan warga luar negara. Borang penyertaan boleh dimuat turun dari [www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)

Tarikh tutup penyertaan ialah pada 21 Jun 2013 (Jumaat). Borang yang telah siap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat di bawah sebelum atau pada 21 Jun 2013 (Jumaat) atau datang sendiri ke:

Urus Setia

UNIT SUMBER MEDIA  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA  
JALAN DAMANSARA, 50566 KUALA LUMPUR.



The GOLDEN MEMORIES competition is to seek, discover and record a museum community's shared memory. This is important as to cultivate a continuing sense of appreciation of Malaysia's history, and culture alongside that of the world communities' personal memories long kindled by the love for history, culture and museums worldwide.

Penyertaan juga boleh dibuat secara online di  
[www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)

Gambar pertandingan akan dinilai berdasarkan pematuhan kepada tema pertandingan. Setiap gambar yang dikemukakan untuk pertandingan ini tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik mutlak pengaju. Perhatian khas akan diberikan terhadap gambar foto yang merekodkan keadaan asal persekitaran Muzium Negara pada tahun 60 an, 70 an dan 90 an (ke bawah). Penyertaan yang tidak mematuhi syarat tidak akan dinilai. Keputusan hakim adalah MUKTAMAD. Kakitangan Jabatan Muzium Malaysia TIDAK DIBENARKAN menyertai pertandingan ini. Setiap penyertaan hendaklah disertakan dengan borang penyertaan yang dilengkapi dengan nama, alamat, no. kad pengenalan dan no. telefon untuk dihubungi.

Urus Setia:

UNIT SUMBER MEDIA  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA  
JALAN DAMANSARA, 50566 KUALA LUMPUR.

Tel : 03 - 2267 1000 ext: 190

HADIAH PERTANDINGAN  
Pertama : RM 5,000.00  
Kedua : RM 3,000.00  
Ketiga : RM 2,000.00  
Saguhati x 10 : RM 500.00



# Muzium-Muzium di Bawah JABATAN MUZIUM MALAYSIA

[www.jmm.gov.my](http://www.jmm.gov.my)



Jabatan Muzium Malaysia



MUZIUM NEGARA,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM ADAT,  
JELEBU, NEGERI SEMBILAN



MUZIUM DIRAJA,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM PERAK,  
TAIPING, PERAK



GALERIA PERDANA,  
LANGKAWI



MUZIUM MATANG,  
PERAK



MUZIUM ARKEOLOGI  
LEMBAH BUJANG, KEDAH



MUZIUM SUNGAI LEMBING,  
PAHANG



MUZIUM CHIMNEY,  
LABUAN



MUZIUM SENI KRAF ORANG ASLI,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM SENI BINA MALAYSIA,  
BANDAR HILIR, MELAKA



MUZIUM KOTA KUALA KEDAH,  
KEDAH



MUZIUM KOTA KAYANG,  
PERLIS



MUZIUM AUTOMOBIL NASIONAL,  
SEPANG



MUZIUM KOTA JOHOR LAMA,  
JOHOR



MUZIUM LABUAN,  
LABUAN



MUZIUM ETNOLOGI DUNIA MELAYU,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM TEKSTIL NEGARA,  
KUALA LUMPUR



MUZIUM MARIN LABUAN,  
LABUAN



MUZIUM LUKUT,  
NEGERI SEMBILAN



MUZIUM ALAM SEMULA JADI,  
PUTRAJAYA